

24/10/1998

Kerajaan hargai semangat patriotik rakyat

KERAJAAN semalam mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang menunjukkan kesetiaan, rasa tanggungjawab dan patriotisme kepada negara dengan menyumbang kepada Dana Khas Negara sehingga mengumpul RM34.8 juta setakat ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menyampaikan penghargaan itu bagi pihak kerajaan berkata, adalah lebih baik jika semua rakyat mencontohi sikap patriotik individu terbabit bagi memastikan usaha pemulihan ekonomi, berjaya.

"Walaupun negara telah dimiskinkan, kita masih mempunyai kekuatan berdikari dan mempertahankan kedudukan bagi meneruskan perjuangan untuk merangsang semula pertumbuhan ekonomi," katanya ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama turut merakamkan penghargaan kepada kesatuan sekerja yang memahami keadaan gawat dihadapi negara serta bersedia bekerjasama dengan kerajaan.

Menurutnya, tidak seperti di negara lain, pekerja dan kesatuan sekerja di Malaysia tidak membuat tuntutan keterlaluan walaupun terpaksa menghadapi kesulitan.

Rakyat yang patriotik, katanya, tidak akan bersubahat dengan pedagang mata wang, pelabur jangka pendek di bursa saham, agensi penarafan dan media Barat yang ingin memusnahkan ekonomi negara supaya mengikut telunjuk mereka.

(END)